

RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300
D' CIOUS KE - CREAM ENTERPRISE



CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 19hb. Jun 1997
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 30/7B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma Perakaunan. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan bagi memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. K/P ITM</u>
1.	Khairol Idzwan Abd Khaiyom	95576828
2.	Nooramiza Tumari	95643863
3.	Aishah Khamis	95660294
4.	Wan Siti Radiah Hj Abd Karim	95606623
5.	Maznita Mohamad	95750112

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar


ABD RAZAK MD JAIS
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Pelajar-pelajar Semester 5
Diploma Perakaunan
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Km.26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

13 September 1997

Puan Hjh. Hanim Norza Baba
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Km.26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

Puan,

Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan.

Merujuk kepada perkara di atas, kami ingin menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk **D'CIOVS ICE-CREAM ENTERPRISE** yang telah kami siapkan kepada Puan yang bertindak sebagai Penasihat bagi kumpulan kami.

Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan ini meliputi semua rancangan iaitu tujuan, latarbelakang perniagaan, rakan kongsi dan projek cadangan, rancangan

1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan atau dunia keusahawanan merupakan satu kegiatan ekonomi yang amat menguntungkan tetapi memerlukan ketabahan, kegigihan dan kesungguhan dalam menjayakan sesuatu projek atau perniagaan. Selain daripada keyakinan diri dan semangat yang tinggi, seseorang itu haruslah juga kreatif, cepat bertindak terhadap peluang-peluang yang ada, bersemangat, inovatif, berinisiatif dan peka terhadap perkembangan dunia perniagaan yang semakin kompetitif.

Sebagai menyahut seruan kerajaan yang menggalakkan supaya lebih ramai kaum Bumiputera menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, maka kami telah bersepakat untuk menubuhkan D'cious Icecream Enterprise.

D'cious Icecream Enterprise merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti atau jenis perniagaan secara perusahaan atau dalam erti kata yang sebenar syarikat kami menjalankan aktiviti perusahaan aiskrim. Syarikat ini ditubuhkan oleh lima orang rakan kongsi yang berperanan secara langsung dalam menguruskan syarikat ini.

Penubuhan syarikat ini adalah ekoran daripada kekurangan penglibatan bumiputera secara komersial dalam bidang perusahaan aiskrim. Berdasarkan tinjauan yang kami lakukan, perusahaan aiskrim secara komersil di Malaysia dimonopoli oleh golongan bukan bumiputera sahaja dan hanya terdapat beberapa buah kilang sahaja yang menjalankan perusahaan ini di setiap negeri.

Kami percaya perusahaan ini mempunyai masa depan yang cerah memandangkan kepada permintaan ke atas produk aiskrim adalah tidak terhad kepada peringkat umur yang tertentu sahaja. Semua peringkat umur menggemari produk ini tidak kira tua atau muda. Perusahaan ini juga mempunyai potensi yang amat besar untuk mengaut keuntungan pada masa akan datang.

Lokasi atau tapak kilang kami beralamat di No. 73 Senawang Suria, Semi Industry Park, Jalan Seremban Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan..Kami memilih untuk menjalankan perusahaan kami di sini kerana ianya adalah sasaran pasaran kami.Selain itu, lokasi di kawasan ini juga mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang lengkap seperti sistem pengairan, tenaga buruh yang ramai, sistem perhubungan yang baik (jalanraya dan sebagainya) serta kadar sewa tanah yang rendah.

Produk (aiskrim) keluaran kami pada dasarnya tidak banyak bezanya daripada syarikat-syarikat aiskrim yang lain tetapi produk kami dijamin tidak mempunyai kandungan yang haram digunakan seperti gelatin haiwan dan bahan perasa serta pewarna yang berlebihan. Dalam erti kata yang lain kami mementingkan keaslian tetapi tidak mengenyepikan citarasa para pelanggan kami.

Akhir kata, kami semua yakin perniagaan ini dapat menghasilkan keuntungan yang menggalakkan berdasarkan kepada penyelidikan kami dari pelbagai aspek.